

Bahagian A
[10 markah]

Soalan 1 dan 2

Pilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Adik bukan sahaja comel _____ bijak.
- A kerana
 - B atau
 - C tetapi
 - D dan
- 2 Kata Jason kepada Dani, " _____ sekeluarga melawat Muthu di hospital."
- A kita
 - B beta
 - C kami
 - D hamba

Soalan 3

Pilih ayat yang betul.

- 3
- A Zarina mendapat tempat kedua dalam pertandingan tarian.
 - B Tiap petang, Abu dan Jason bermain bola sepak di padang.
 - C Beribu orang mengunjugi pameran buku di Kuala Lumpur.
 - D Semua murid- murid beratur di luar bilik darjah sebelum pulang.

Soalan 4 hingga 6

Baca petikan di bawah dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Nurul anak tunggal yang prihatin dan bertanggungjawab. Setiap petang, Nurul membantu ibunya menjual kuih-muih. Kuih-muih itu dibuat sendiri oleh ibunya. Ibunya membersihkan gerai sebelum berniaga.

Ibunya juga akan memastikan Nurul menggunakan penyepit untuk mengambil kuih-muih. Selepas itu, ditutupnya supaya tidak dihinggapi lalat. Nurul dan ibunya akan melayan pelanggan dengan ramah. Kuih-muih yang dijual ibunya laris. Ramai pelanggan suka membeli kuih-muih di gerai ibu Nurul.

- 4 Apakah yang dilakukan oleh Nurul pada setiap petang?
- A Membantu ibunya
 - B Membeli kuih-muih.
 - C Membersihkan gerai.
 - D Melayan pelanggan.
- 5 Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.
- A Nurul membuat kuih-muih di gerai.
 - B Pelanggan ke gerai ibunya sangat ramah.
 - C Kuih-muih ditutup supaya tidak dihinggapi lalat.
 - D Nurul menggunakan penyepit untuk berniaga.
- 6 Berikut ialah sikap baik Nurul berdasarkan petikan *kecuali*
- A ramah.
 - B prihatin.
 - C bertanggungjawab.
 - D mementingkan kebersihan.

Soalan 7 hingga 10

Baca maklumat dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** dengan teliti, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

BAHAN 1

Hadif dan Ravi berkunjung ke klinik kesihatan berhampiran rumah mereka. Mereka ingin membuat pemeriksaan gigi. Mereka berasa seronok mendapat layanan mesra daripada jururawat yang merawatnya.

Semasa perjalanan pulang, mereka melalui laluan pejalan kaki di klinik itu. Terdapat pelbagai *maklumat* tentang pelbagai penyakit berbahaya dipamerkan seperti Influnza, kencing manis dan sebagainya.

BAHAN 2

KARNIVAL KESIHATAN MASYARAKAT KITA

Senamrobik
Derma Darah
Pemeriksaan Gigi

Ceramah Hidup Sihat
Pameran Produk Kesihatan
Ceramah dan *maklumat* kesihatan

Datanglah
beramai-
ramai

Tarikh : 16 September 2023 (Sabtu)
Masa: 8.30 pagi hingga 2.30 petang
Tempat: Dewan Komuniti Kampung Seri Menanti

- 7 Terdapat pelbagai aktiviti di Karnival Kesihatan Masyarakat Kita seperti
- A pemeriksaan kencing manis.
 - B pameran kesihatan.
 - C pemeriksaan beramai-ramai.
 - D ceramah hidup sihat.

8

Hadif dan Ravi berkunjung ke klinik kesihatan berhampiran rumah mereka.

Penjodoh bilangan yang sesuai dengan perkataan bergaris di atas ialah

- A biji.
 - B buah.
 - C bentuk.
 - D butir.
- 9 Perkataan *maklumat* dalam **Bahan 1** dan **Bahan 2** boleh digantikan dengan perkataan
- A petunjuk.
 - B peraturan.
 - C keterangan.
 - D kedengaran.
- 10 Pilih pernyataan yang **benar** tentang **Bahan 1** dan **Bahan 2** di atas.
- A Hadif dan Ravi melakukan pemeriksaan gigi di klinik kesihatan.
 - B Orang ramai dapat menyertai aktiviti senamrobik di klinik.
 - C Pameran Kesihatan Masyarakat Kita diadakan di Padang Komuniti Kampung Seri Menanti.
 - D Hadif dan Ravi berkunjung ke klinik kesihatan untuk mendapatkan maklumat tentang pelbagai penyakit berbahaya.

Bahagian B
[10 markah]

Soalan 1

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan berikutnya .

Adam menyertai aktiviti gotong-royong sesama jiran. Aktiviti ini dapat menjimatkan masa. Kerja-kerja pembersihan dilakukan dengan jiran-jiran di kawasan perumahan itu.

Kebaikan aktiviti gotong-royong ini ialah kawasan rumah Adam dan jiran-jirannya menjadi bersih dan indah. Adam gembira kerana mereka dapat bekerjasama melakukan aktiviti pembersihan. Seterusnya, mereka dapat hidup dengan selesa dan harmoni.

- 1 (a) Aktiviti ini dapat mengeratkan hubungan sesama _____.

[1 markah]

- (b) Apakah kebaikan aktiviti gotong-royong?

[2 markah]

- (c) *Bulatkan satu kata ganda penuh yang terdapat dalam ayat yang diberikan.*

Kerja-kerja pembersihan dilakukan dengan jiran-jiran di kawasan perumahan itu.

[1 markah]

- (d) *Pilih dan tuliskan (BETUL) bagi ayat yang sama maksud* dengan ayat yang diberikan.

Adam gembira kerana mereka dapat bekerjasama melakukan aktiviti pembersihan.

Mereka gembira kerana dapat bekerjasama dengan Adam melakukan aktiviti pembersihan.	
Gembira Adam kerana mereka dapat bekerjasama melakukan aktiviti pembersihan.	

[1 markah]

Soalan 2

Baca dan fahami situasi di bawah. Kemudian, berikan pendapat kamu berdasarkan situasi tersebut.

*Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 30 patah perkataan.***

Dalam perjalanan untuk bercuti ke Kuala Lumpur, ayah Faris singgah di stesen minyak terlebih dahulu untuk mengisi minyak petrol keretanya. Ketika itu, Faris melihat adiknya sangat leka bermain telefon bimbit semasa ayahnya mengisi minyak.

- 2 Berdasarkan situasi di atas, apakah tindakan yang boleh Faris lakukan?

[5 markah]

Bahagian C
[10 markah]

Grafik di bawah menunjukkan tentang penjagaan kesihatan gigi.

Tuliskan pendapat kamu tentang **cara menjaga kesihatan gigi**.

Jawapan kamu hendaklah ditulis dalam **satu perenggan**.

Panjangnya jawapan kamu hendaklah **tidak lebih daripada 50 patah perkataan**.



[10 markah]

Bahagian D
[20 markah]

Teliti bahan grafik di bawah. Kemudian tulis sebuah karangan dalam bentuk **karangan berformat** atau **karangan tidak berformat**. Panjangnya karangan kamu hendaklah antara 50 hingga 80 patah perkataan.

GOTONG-ROYONG



[illegible]